

# Semangat 1Malaysia sambut Maulidur Rasul

**T**ARIKH keramat 12 Ramadhan terus diingati sebagai hari lahirnya seorang insan mulia, Nabi Muhammad SAW yang membawa rahmat dan petunjuk kepada seluruh manusia serta sekalian alam yang nikmatnya kekal hingga kini.

Sambutan Maulidur Rasul kali ini dilihat cukup signifikan bukan saja kepada seluruh umat Islam di dunia tetapi juga kepada kita di Malaysia terutama dari dua aspek yang boleh dijadikan sebagai panduan dan iktibar dalam meneruskan kehidupan dalam sebuah masyarakat majmuk.

Pertama, pergolakan politik di beberapa negara Islam seperti Mesir dan Tunisia mengingatkan kita betapa nikmatnya hidup dalam se-

buah negara yang aman dan makmur walaupun berbeza agama dan bangsa.

Walaupun kadangkala berlaku sedikit pergeseran sesama kita tetapi hakikatnya kita masih boleh berbangga dengan apa yang kita miliki sebagai sebuah model negara majmuk yang bersatu padu dan menikmati kehidupan aman dan bahagia.

Justeru melalui sambutan Maulidur Rasul ini sepatutnya diterjemahkan segala ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW dan umat Islam wajar menjadi contoh teladan yang baik kepada penganut agama lain.

Dalam erti kata lain umat Islam wajar mengangkat martabat masing-masing menjadi umat dan pemimpin yang disegani semua pihak.

Hal ini penting demi mengekalkan keamanan yang ada pada kita pada hari ini di samping membantu membina sebuah negara yang makmur dan sejahtera dengan berkongsi kehidupan yang harmoni.

Aspek kedua ialah masyarakat kita wajar menjadikan sambutan Maulidur Rasul kali ini sebagai peluang dan wadah yang terbaik untuk merapatkan kembali hubungan antara umat Islam dengan rakan dari agama lain yang dilihat sedikit terjejas, tercalar dan terguris mutakhir ini akibat daripada beberapa peristiwa yang berlaku.

Insiden seperti tidak mematuhi etika pemakaian di masjid serta isu kekeliruan dalam laungan azan baru-ba-

ru ini dilihat sebagai antara peristiwa yang tidak wajar berlaku andai semua pihak memahami dengan jelas amalan dan gaya hidup setiap penganut agama yang ada di negara kita.

Rakyat kita kaya dengan pelbagai amalan, adat dan budaya mengikut ajaran agama masing-masing baik agama Islam, Buddha, Kristian mahupun Hindu yang jelas memerlukan satu sikap pemahaman dan toleransi yang kuat di antara satu sama lain agar kita dapat menghormati ajaran dan amalan penganut setiap agama berkenaan.

Ini penting, kerana kegalauan kita dalam memahami dan menghormati ajaran agama lain boleh menguris hati dan perasaan orang lain.

Sehubungan itu, apa yang

kita harapkan daripada sambutan Maulidur Rasul kali ini perlu dihayati dan disambut dalam konteks semangat 1Malaysia di mana umat Islam perlu buktikan kepada rakan mereka dari agama lain bahawa Islam adalah agama yang mulia, toleransi dan sentiasa membawa kepada kebaikan.

Ciri-ciri keperibadian Nabi Muhammad SAW perlu ditonjolkan agar ia menjadi contoh teladan kepada rakan dari agama lain supaya mereka akan secara langsung memandang tinggi dan menghormati penganut agama Islam.

**NOOR MOHAMAD SHAKIL HAMEED,**  
Universiti Putra Malaysia,  
Serdang, Selangor.